

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (KM 10)
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM

LAPORAN PROJEK AKHIR
'GABUNGAN PENGKOKOT & PENEBUK KERTAS UBAHSUAI'

DISEDIAKAN OLEH:

MOHD HALIZI ABDUL AZIZ	94609621
MOHD NORIZAT TAHAR	94525509
AZAINÉ ROZALI MOHD ISA	94975427

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
PENGHARGAAN	2
1.0 PENGENALAN	3
2.0 PROSES-PROSES PEMBINAAN	19
3.0 KOS BAHAN-BAHAN	23
4.0 PENGIRAAN	25
5.0 PERBINCANGAN	30
6.0 KESIMPULAN	32
7.0 LAMPIRAN	33
8.0 RUJUKAN	42

PENGHARGAAN

Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada penasihat kami. Prof. Ow Chee Seng yang telah banyak membantu kami untuk menyiapkan projek ini. Beliau begitu banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat dan teguran yang membina kepada kami.

Tidak lupa juga kepada pembantu-pembantu teknik di bengkel Kejuruteraan Mekanikal yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar didalam penggunaan mesin-mesin dan peralatan-peralatan yang terdapat dibengkel.

Akhir sekali terima kasih kami pada semua yang membantu kami samaada secara tenaga, idea-idea mahupun secara langsung atau tidak didalam projek ini. Sesungguhnya hanya Tuhan yang dapat membalas budi baik kalian.

PENGENALAN

Pada masa sekarang, pelbagai jenis dan peralatan tulis berada di pasaran. Ia digunakan meluas oleh para pelajar dan juga pekerja pejabat. Reka bentuk peralatan tulis yang berada dipasaran sekarang, semua adalah bertujuan untuk memudahkan kerja manusia.

Awalnya, objektif utama kami merekabentuk penebuk kertas dan stapler gabungan ini ialah untuk memudahkan pengguna terutama pelajar. Walaupun pada asasnya kami telah menggunakan mekanisme asal tetapi tujuan gabungan ini dibuat ialah untuk memahami dan mengkaji dari segi rekabentuk, proses pembinaan, mekanisme ia bekerja, dan mengetahui lebih mendalam sifat-sifat mekanikal berkaitan stapler dan penebuk kertas.

Walaupun ia kelihatan sekadar mencantumkan kedua-dua alat ini menjadi satu tetapi pada hakikatnya ia terbit dari idea dan kreativiti kami sendiri supaya setiap peralatan yang ada boleh diubahsuai menjadi lebih baik dan membaiki kelemahan yang sedia ada.

Kami telah menggunakan pelbagai jenis stapler untuk digabungkan dengan penebuk kertas. Hasil daripada model-model ini nanti dapat menentukan gabungan mekanisme yang paling sesuai untuk kegunaan manusia.

Kami juga mendapati rekabentuk asal adalah lebih efektif dan efisien. Ia telah melengkapinya ciri-ciri kejuruteraan yang terbaik dan oleh yang demikian kami berpendapat rekabentuk yang dihasilkan ini lebih baik jika diterbitkan dari rekabentuk asal.